BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN NO : 11/02/38 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 27 November 2002

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Oktober 2002

Pertambahan Pembiayaan di dalam Ekonomi

Persekitaran mudah tunai yang mencukupi dan kadar faedah yang rendah, telah menyumbang kepada aktiviti pembiayaan yang lebih tinggi melalui pinjaman bank, terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) serta tawaran awal permulaan (IPO). Secara keseluruhannya, aktiviti pinjaman bank meneruskan aliran meningkatnya pada tempoh tersebut. Terutamanya, permohonan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan dan isirumah adalah lebih tinggi berbanding dengan bulan yang lalu.

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 27 November 2002


SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
OKTOBER 2002

Keadaan monetari kekal stabil pada bulan Oktober. Purata kadar berian pinjaman dan deposit kekal tidak berubah di dalam persekitaran kadar faedah yang rendah dan stabil. Keadaan mudah tunai yang mencukupi membolehkan peningkatan di dalam pembiayaan aktiviti sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal. Terutamanya, aliran meningkat di dalam berian pinjaman bank dapat dilihat melalui pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor perniagaan dan isirumah. Berian pinjaman yang lebih tinggi pada bulan tersebut menyumbang kepada pengembangan dalam bekalan wang.


Sistem perbankan mengekalkan kedudukan modal yang kukuh dan kualiti aset yang bertambah baik. Di dalam persekitaran pertumbuhan kredit yang mapan dan inflasi yang rendah, dasar monetari akomodatif semasa telah menyumbang ke arah memperkukuhkan proses pertumbuhan.

Kadar faedah yang rendah di samping keadaan mudah tunai yang lega


Selaras dengan dasar monetari akomodatif semasa, kadar faedah **pasaran wang antara bank** terus kekal rendah dan stabil. Pada tempoh tersebut, operasi mudah tunai BNM adalah neutral. Keadaan mudah tunai yang sedia ada di dalam sistem perbankan mencukupi untuk menyokong permintaan untuk pembiayaan oleh sektor swasta.



Operasi mudah tunai BNM dilakukan untuk menstabilkan keadaan keseluruhan mudah tunai sistem perbankan




Mudah tunai kekal lega pada bulan October.



Selaras dengan dasar monetari akomodatif semasa, kadar faedah antara bank terus kekal rendah dan stabil.

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada sepanjang bulan. **Kadar purata pinjaman** (ALR) bagi bank perdagangan secara relatifnya kekal stabil pada 6.52%, manakala kadar bagi syarikat kewangan menurun sedikit kepada 9.86% (masing-masing pada 6.51% dan 9.92% pada akhir September).


Kadar Faedah Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan



BLR dan ALR kekal rendah dan stabil.


Pada 15 November, struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** untuk semua tempoh matang bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan




Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



...begitu juga bagi syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan




Kadar faedah benar deposit tetap 3 bulan bagi bank perdagangan kekal tidak berubah pada bulan Oktober

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau pada bulan Oktober

Pada bulan Oktober, **ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama**, selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Ringgit meningkat nilai berbanding yen Jepun sebanyak 1.0% dan paun sterling sebanyak 0.3%, sementara menyusut nilai berbanding euro sebanyak 0.4%. Dolar AS lebih lemah berbanding euro berikutan penerbitan data yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi AS yang lebih lemah daripada jangkaan bagi suku tahun ketiga. Walaubagaimanpun, yen Jepun menjadi lemah berbanding dolar AS disebabkan kebimbangan pasaran terhadap kesan

ekonomi jangka pendek ekoran daripada penyusunan semula sektor perbankan yang lebih agresif.


Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama
(Purata mingguan)



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama

Ringgit juga mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit menyust nilai berbanding sebilangan mata wang serantau dalam lingkungan 0.2% - 0.6%, sementara meningkat nilai berbanding rupiah Indonesia dan peso Filipina, masing-masing sebanyak 2.4% dan 1.4%. Rupiah Indonesia dipengaruhi secara negatif berikutan peristiwa peletupan bom di Bali, sementara peso Filipina menjadi lemah berikutan peristiwa pengeboman di Zamboanga dan kebimbangan pasaran terhadap defisit belanjawan Filipina.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau
(Purata mingguan)



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau


Untuk tempoh **1 – 15 November 2002**, ringgit menjadi lemah berbanding mata wang utama sementara mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit menyusut nilai berbanding euro dan yen Jepun, masing-masing sebanyak 1.6%, dan berbanding paun sterling sebanyak 1.2%. Dolar AS dipengaruhi secara negatif oleh penerbitan data guna tenaga dan pengeluaran yang lemah, peningkatan jurang kadar faedah jangka pendek yang menyebelahi kawasan euro dan UK berikutan penurunan kadar faedah AS dan kebimbangan pasaran ke atas ketegangan di Timur Tengah. Faktor-faktor yang mempunyai kesan negatif ke atas dolar AS tersebut, bersama dengan penerbitan data sektor perkhidmatan kawasan euro yang melebihi jangkaan, menyebabkan mata wang euro melepasi tahap persamaan berbanding dolar AS pada awal November. Pada 15 November, mata wang euro kekal berada di atas tahap persamaan. Pada masa yang sama, ringgit menyusut nilai berbanding sebilangan mata wang serantau dalam lingkungan 0.2% - 2.1%, sementara meningkat nilai berbanding baht Thai dan peso Filipina masing-masing sebanyak 0.2% dan 0.5%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Okt. 2002	15 Nov. 2002	% Perubahan			
				Oktober 2002	Akhir-Okt. - 15 Nov. 2002	Akhir-2001 - 15 Nov. 2002	2 Sep. 1998 - 15 Nov. 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.7527	3.8135	-0.4	-1.6	-11.7	-
Paun sterling	6.3708	5.9303	6.0027	0.3	-1.2	-8.1	6.1
100 yen Jepun	2.7742	3.0977	3.1476	1.0	-1.6	-8.0	-11.9
Dolar Singapura	2.1998	2.1515	2.1563	-0.6	-0.2	-4.8	2.0
100 baht Thai	9.3713	8.7811	8.7648	-0.2	0.2	-1.9	6.9
100 peso Filipina	8.8302	7.1530	7.1208	1.4	0.5	3.4	24.0
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0412	0.0421	2.4	-2.1	-13.3	-15.9
100 won Korea	0.2827	0.3102	0.3142	-0.3	-1.3	-8.2	-10.0

Inflasi kekal rendah


Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Penguna (IHP, 2000=100), kekal tidak berubah pada tahap 2.1% pada bulan Oktober (September: 2.1%). Kenaikan dalam IHP terutamanya disumbangkan oleh harga yang lebih tinggi bagi pengangkutan dan perhubungan, disebabkan oleh pelarasan harga dalam bayaran perkhidmatan telefon pada bulan Mac 2002. Pada asas bulanan, IHP menyusut sebanyak 0.1%.



Inflasi kekal tidak berubah

Harga pengeluar terus meningkat

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100), meningkat sebanyak 6.8% pada asas tahunan pada bulan September (Ogos: 4.5%). Kenaikan di dalam IHPR mencerminkan harga yang lebih kukuh bagi minyak sawit mentah, minyak mentah dan getah. Sementara itu, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat sebanyak 0.5%.




Harga pengeluar terus meningkat

Bekalan wang terus meningkat

Pada bulan Oktober, M1 dan M3 terus meningkat masing-masing sebanyak RM1.2 bilion dan RM1.9 bilion. Oleh sebab itu, kadar pertumbuhan tahunan bagi kedua-dua agregat meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu masing-masing sebanyak 11.2% dan 6.2% pada akhir bulan Oktober. Pada bulan tersebut, aktiviti pembiayaan bank yang lebih tinggi menerusi pinjaman perbankan dan pelaburan di


dalam sekuriti (+RM3.2 bilion) serta pengeluaran deposit yang besar oleh Kerajaan (RM4.5 bilion) telah menyebabkan perkembangan dalam bekalan wang. Perkembangan ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan deposit KWSP dengan BNM.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Ketiga-tiga agregat monetary terus meningkat pada bulan Oktober…

M3: Perubahan Bulanan



M3 terus mingkat pada kadar bulanan…

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2002			
	Ogos	Sep	Okt	Jan - Okt
M3	3.7	2.0	1.9	22.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	3.3	1.0	3.1	13.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.9	4.5	3.2	21.6
Operasi luar bersih [1]	-0.9	-3.3	0.3	10.8
Pengaruh lain	-2.6	-0.2	-4.7	-23.4

1/ sebelum penilaian semula

Perkembangan dalam M3 mencerminkan aktiviti pembiayaan perbankan yang lebih tinggi dan operasi Kerajaan yang berkembang

Pertumbuhan yang kukuh dalam deposit sistem perbankan

Jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan adalah lebih tinggi sebanyak RM3.2 bilion atau 0.6% pada bulan Oktober, mencerminkan terutamanya kenaikan dalam deposit oleh perusahaan perniagaan dan individu. Pada asas tahunan, jumlah deposit meningkat sebanyak 4.6% pada akhir bulan Oktober.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Ogos	**Sep.**	**Okt.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-574	944	-857
Kerajaan Negeri	100	-7	-230
Badan Berkanun[1/]	-1,079	-446	-320
Institusi Kewangan	3,045	-1,997	921
Perusahaan Perniagaan	648	1,434	1,767
Individu	1,578	172	1,869
Lain-lain	-130	-112	46
Jumlah	**3,587**	**-11**	**3,196**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Deposit perusahaan perniagaan dan inidividu meningkat

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**


	2002		
	Ogos	**Sep.**	**Okt.**
Jenis			
Deposit tetap	-1,672	2,282	28
NID	1,515	-782	2,514
Deposit permintaan	108	843	292
Deposit tabungan	-163	24	213
Perjanjian beli balik *(Repo)*	3,914	-1,610	28
Deposit mata wang asing	-260	-143	-302
Deposit SPI	275	-512	377
Lain-lain	-130	-112	46
Jumlah	**3,587**	**-11**	**3,196**

Melainkan deposit mata wang asing, kategori deposit yang lain telah meningkat

Peningkatan pembiayaan kepada sektor swasta untuk menyokong pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi

Pada bulan ini, **jumlah pembiayaan kasar** melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM39.7 bilion (RM35.9 bilion pada bulan September).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal




Berian pinjaman bank terus meningkat pada bulan Oktober, dengan **pengeluaran pinjaman** meningkat sebanyak 6% kepada RM36.2 bilion (September: RM34.1 bilion). Peningkatan ini adalah secara meluas dengan pengeluaran yang lebih tinggi kepada sektor perniagaan dan isi rumah, terutamanya untuk perdagangan runcit, sektor perkilangan, pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan serta pembinaan. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan berjumlah sebanyak RM23.4 bilion pada bulan Oktober (September: RM22.3 bilion), mencakupi 65% daripada jumlah pengeluaran pinjaman. Sementara itu, pengeluaran kepada individu berjumlah sebanyak RM9.1 bilion atau 25% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada bulan Oktober (September: RM8.2 bilion).

Secara keseluruhan, **baki pinjaman yang belum dijelaskan** terus meningkat sebanyak RM1.9 bilion (pertumbuhan tahunan sebanyak 3.7% pada akhir bulan Oktober; 3.8% pada akhir bulan September). Sebahagian besar daripada kenaikan dalam pinjaman yang belum dijelaskan terus didorong oleh sektor runcit, untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang. Pinjaman yang belum dijelaskan untuk sektor perniagaan menurun sedikit disebabkan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi. Pinjaman bank pada suku ini kebanyakannya digunakan

untuk membiayai keperluan modal kerja, sementara keperluan pembiayaan untuk aktiviti pelaburan diperolehi terutamanya daripada pasaran modal.


Permohonan pinjaman berjumlah sebanyak RM19.8 bilion pada bulan Oktober (RM19.1 bilion pada bulan September). Permohonan adalah daripada pelbagai sektor, terutamanya untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang, serta daripada sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan.

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kekal kukuh

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih




Pengeluaran pinjamanyang lebih tinggi dicatatkan dalam hampir kesemua sektor ekonomi

Pasaran modal memperolehi dana bersih yang lebih tinggi

Jumlah **dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal** meningkat pada bulan Oktober, berjumlah RM3.7 bilion. Ini berikutan dana bersih yang lebih tinggi diperolehi oleh sektor swasta melalui pasaran sekuriti hutang swasta dan pasaran ekuiti, masing-masing berjumlah RM2.7 bilion dan RM1 bilion. Tiada terbitan sekuriti sektor awam pada bulan ini.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]




1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Pasaran modal memperolehi dana bersih yang lebih tinggi

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) merosot pada tiga minggu pertama bulan Oktober dengan sentimen pasaran dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai kelemahan ekonomi AS, kenaikan harga minyak mentah serta ketegangan berterusan di Timur Tengah. Pasaran kembali stabil sehingga akhir bulan berikutan pemulihan prestasi pasaran AS. Pada 30 Oktober, KLSE CI ditutup pada 659.57 mata (+3.4% sejak akhir bulan September) dengan permodalan pasaran sebanyak RM489.94 bilion (+2.9% sejak akhir bulan September). Purata urusniaga harian adalah sebanyak 164.5 juta unit (138.6 juta unit pada bulan September).


Pada tiga minggu pertama bulan November, KLSE CI menunjukkan aliran menurun disebabkan kebimbangan berterusan terhadap kelembapan ekonomi AS dan kemungkinan berlakunya peperangan di Timur Tengah. Pada 22 November, KLSE CI ditutup rendah pada 639.12 mata (-3.1% sejak akhir bulan Oktober) dengan permodalan pasaran sebanyak RM480.24 bilion (-2.0% sejak akhir bulan Oktober). Purata urusniaga harian adalah sebanyak 149.98 juta unit.



KLSE CI menunjukkan aliran menurun

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah sebanyak RM128.9 bilion atau AS$33.9 bilion pada 31 Oktober 2002. Aliran masuk mencerminkan terutamanya perolehan eksport yang dibawa pulang, di samping pelaburan langsung asing. Aliran keluar mencerminkan bayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, termasuk pembayaran dividen, dan pembayaran balik hutang luar negeri yang nyata yang melibatkan bayaran ke atas pokok dan faedah hutang oleh sektor swasta, serta aliran keluar bersih dana portfolio. Rizab meningkat sebanyak RM1.5 bilion atau AS$0.4 bilion pada separuh pertama bulan November kepada RM130.4 bilion atau AS$34.3 bilion pada 15 November 2002. Aliran masuk perolehan eksport yang dibawa pulang adalah besar dan kemasukan pelaburan langsung asing berkekalan, sementara aliran keluar bersih dana portfolio dan bayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan adalah lebih rendah. Pembayaran balik hutang luar negeri adalah selaras dengan tren terdahulu. Peningkatan rizab mencerminkan kedudukan imbangan pembayaran Malaysia yang berterusan kukuh. Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 5.4 bulan import tertangguh dan adalah 5.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.




Sistem perbankan tetap kukuh

Kedudukan sistem perbankan terus mengukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal utama masing-masing kekal pada tahap 13.2% dan 10.9% pada bulan Oktober 2002. Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (klasifikasi-6 bulan) kekal pada tahap 7.7%, manakala jumlah NPL bersih terus mencatatkan penurunan.


*Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan **

	1998	1999	2000	2001		2002		
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun	Dis.	Ogos	Sep.	Okt.
Modal (%)								
Nisbah modal teras (%)	8.7	10.1	10.7	10.5	11.1	11.0	11.0	10.9
RWCR	11.8	12.5	12.5	12.6	13.0	13.3	13.3	13.2
NPL bersih (klasifikasi-6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8	8.1	7.9	7.7	7.7
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,292	32,775	32,845	32,558	32,302
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.8	1.9

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



….kedudukan modal terus mantap dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing berada pada tahap 13.2% dan 10.9%



… Nisbah NPL bersih terus kekal pada 7.7%

Pada 30 September 2002, Danaharta telah mengendali kesemua NPL dalam porfolionya (dengan nilai hak ke atas pinjaman sebanyak RM52.5 bilion) dengan kadar pemulihan yang dianggarkan sebanyak 57% (49% untuk pinjaman yang diambil alih dan 63% untuk pinjaman yang di urus). Kutipan pemulihan terus menggalakkan seperti yang ditunjukkan di dalam peningkatan kutipan kepada RM18.5 bilion daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM30 bilion yang dijangkakan dapat dikutip semula daripada pinjaman yang diurus/diambil alih. Daripada sejumlah kutipan yang diterima, Danaharta telah mengagihkan sebanyak RM10.9 bilion dalam bentuk tunai dan 55,899,542 unit sekuriti kepada 28 buah institusi perbankan dan Kerajaan.

Setakat akhir bulan Oktober 2002, baki suntikan modal oleh Danamodal kekal pada RM2.1 bilion. Danamodal dijangka akan menamatkan operasinya pada tahun 2003.

Bank Negara Malaysia
27 November 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	September 2002		Oktober 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	40.0	1.6	41.3	6.6
M1	83.5	9.0	84.7	11.2
M2	372.1	4.6	375.4	6.2
M3	490.2	5.5	492.1	6.2
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	492.2	3.1	494.9	4.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	487.8	3.8	489.7	3.7
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	425.8	3.5	427.3	3.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)	86.5		86.3	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	14.8		12.9	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	36.2		36.2	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.3		13.2	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	7.7		7.7	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	129.0		128.9	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	34.0		33.9	
Bilangan bulan import tertangguh	5.5		5.4	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.98[2.88]		2.98[2.92]	
3-bulan	2.83[2.84]		2.87[2.88]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
3-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
BLR bank perdagangan	6.39[6.39]		6.39[6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	103.4	2.1	103.3	2.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	134.1	6.8	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.7379		3.7527	
Paun Sterling	5.9464		5.9303	
Dolar Singapura	2.1384		2.1515	
100 Yen Jepun	3.1280		3.0977	
100 Baht Thai	8.7608		8.7811	
100 Peso Filipina	7.2526		7.1530	
100 Rupiah Indonesia	0.0422		0.0412	
100 Won Korea	0.3093		0.3102	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	2.7		0.0	
sektor swasta (RM bilion)	1.9		3.7	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	638.01		659.57	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	476.35		489.94	